SOALAN NO: 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]

TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN : Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan peniaga yang diberi Beras Hancur Super untuk menikmati subsidi Kerajaan di Sandakan. Adakah ini benar bahawa peniaga cina tidak diberi peluang menjual beras tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat 18 Mac 2015, terdapat 15 pemborong bukan bumiputera yang dilantik sebagai Pengampit atau Pengedar Beras Subsidi ST15% di Sandakan. Program pengampitan Beras Nasional ST15% dibuka kepada semua pemborong beras yang berlesen termasuk pemborong bukan bumiputra yang menepati syarat-syarat penyertaan program seperti mempunyai gudang atau stor yang bersesuaian dan mesin mengampit beras.

Kementerian telah mengambil beberapa langkah pembaharuan dalam melaksanakan Program Beras Subsidi ST15% bermula Oktober 2014 seperti berikut:

i. Penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan Program Beras Subsidi ST15%;

ii. Penubuhan Jawatankuasa Induk Mengenai Hal-Ehwal Industri Padi dan Beras yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab untuk menimbangkan permohonan mendapatkan kuota beras ST15% oleh syarikat pemborong;

iii. Penguatkuasaan dan pemeriksaan setiap bulan ke atas pemborong yang mendapat kuota beras subsidi;

iv. Penubuhan Pasukan Petugas Khas di peringkat Ibu Pejabat Kawalselia Padi dan Beras untuk menjalankan pemeriksaan khas ke atas pengilang, pemborong dan peruncit yang terlibat dalam pelaksanaan program beras subsidi; dan

v. Pemerkasaan Panel Pendengaran yang dipengerusikan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) bagi mendengar pertuduhan dan menimbangkan rayuan syarikat-syarikat yang telah melanggar akujanji berkaitan pengedaran kuota beras ST15%.

Sekian, terima kasih.